

Anwar: Kami tidak arah rempuh sekatan polis
MalaysiaKini.com
April 30, 2012
By S Pathmawathy

Ketua umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa beliau dan timbalannya Azmin Ali tidak mengeluarkan arahan supaya peserta merempuh pagar kawat duri polis yang dipasang di sekeliling Dataran Merdeka pada Sabtu.

Anwar bagaimanapun berkata, beliau akan mempertahankan tindakan mengalihkan sekatan berkenaan yang disifatkannya bukan satu kesalahan.

Dengan sinis, beliau bertanya apakah memasuki Dataran merupakan satu kesalahan besar berbanding perbuatan menipu dalam pilihan raya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/196484>

